

>>Orang Islam khususnya wanita berhijab dianiaya termasuk diludah

HARIAN METRO



SEHANGAN pengagads yang berterusan di London cetus kegusaran dalam kalangan warganya.

ISLAMFOBIA MEREBAK

■ Kebencian golongan ekstrem EDL terhadap orang Islam di London meningkat

Harian metro
13/6/17
m15-14

RATUSAN jambangan bunga dilihat berhampiran tempat kejadian serangan di London Bridge dan Borough Market di pusat bandar London.



Kuala Lumpur

“**K**ebencian golongan ekstrem digelar English Defence League (EDL) terhadap Islam di sini boleh dikatakan meningkat 70 peratus sehingga mewujudkan sentimen Islamfobia.

“Islamfobia sedang merebak di London terutama

bahagian timur. Orang Islam khususnya segi fizikal jelas dikenali umpamanya wanita memakai hijab selalu dianiaya termasuk diludah,” itu kata Dzuhair Hanafiah, 39, seorang ahli perniagaan Malaysia di London.

Pengarah syarikat DZR Capital itu ketika dihubungi Harian Metro berkata, banyak kes penganiayaan seumpamanya di timur London dilakukan kumpulan pelampau terhadap orang Islam dengan cara terang-terangan seperti tepi jalan dan di kereta api.

SERANGAN NEKAD DI BRITAIN DALAM TEMPOH ENAM BULAN PERTAMA TAHUN 2017

Rabu, 22 Mac 2017

- Lima terbunuh termasuk penyerang dalam kejadian serangan di luar bangunan Parlimen Britain
- Penyerang, Khalid Masood berusia 52 tahun yang memandu Hyundai Tucson sepanjang pejalan kaki jambatan Westminster melanggar puluhan orang sebelum terhenti selepas merempuh pagar
- Penyerang itu kemudian berjaya memasuki pekarangan Parlimen dan menikam seorang anggota polis hingga mati dengan dua pisau
- Lelaki itu kemudian ditembak sekurang-kurangnya dua kali oleh anggota polis bersenjata dan mati di hospital

Isnin, 22 Mei 2017

- Letupan oleh penyerang berani mati di Manchester yang membunuh 22 orang termasuk kanak-kanak ketika konsert penyanyi pop, Ariana Grande

Sabtu, 3 Jun 2017

- Serangan kira-kira jam 10 malam oleh tiga lelaki yang merempuh dan menikam pejalan kaki di hab hiburan waktu malam popular sekitar London Bridge berhampiran Borough Market, sehingga menyebabkan tujuh terbunuh dan 48 orang cedera

Menurutnya, bahagian timur London lebih ramai peminat dan penganut Islam berbanding bahagian barat penduduknya pelbagai kaum dan agama.

“Hatecrime (jenayah kebencian) meningkat. Kebencian dibalas kebencian. Keganasan dibalas keganasan. Itu tidak sepatutnya berlaku.

“Kejadian serangan terbaru amat menyedihkan sebab berlaku ketika umat Islam menjalani ibadah Ramadan dan mahu pergi menunaikan solat Tarawih.

“Keganasan seperti itu bukan ajaran Islam sebaliknya pihak tertentu menggunakan nama Islam pada halnya sesat untuk halalkan perkara sedemikian,” katanya yang berasal dari Hulu Klang, di sini.

Beliau yang sudah menetap 11 tahun di London berkata, sebagai ahli perniagaan di bandar itu, golongan minoriti seperti sememangnya terasa apabila mereka tidak diberikan hak yang sepatutnya meskipun melepasi merit ditetapkan.

Syarikatnya menjalankan tiga perniagaan iaitu hartanah, perkhidmatan kepada VIP luar negara yang datang ke London dan khidmat untuk orang berpindah ke luar negara.

“Perkhidmatan VIP luar negara termasuk penyediaan logistik dan keselamatan. Sangat ketara VIP Muslim khususnya dari negara Arab makin bimbang keselamatan apabila meminta tambahan pengawal



peribadi mengiringi mereka,” katanya.

Sementara itu, bagi pelajar London School of Economics and Political Science (LSE), Amalina Sanusi, 23 berkata, meskipun insiden itu tidak meninggalkan kesan trauma kepadanya, dia tetap berhati-hati menjalani kehidupan harian.

“Ketika insiden itu berlaku saya berada di Norway kerana melancong, pastinya ia mengejutkan apatah lagi serangan berkenaan berlaku di tengah kota raya London.

“Kejadian kedua di London itu pastinya membuatkan saya dan rakan lebih berhati-hati dan pada masa ini kami cuba mengelak kawasan atau lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai,” katanya.

Sementara itu, penuntut jurusan Undang-undang di University of Essex, Afeera Amran, 24, berkata dia pernah diajukan soalan agak provokasi mengenai Islam oleh penduduk tempatan.

“Anda Muslim. Adakah

praktis dalam Islam memang sebegitu (merujuk kepada berita keganasan di London).

“Secara jujur saya katakan memang wujud sentimen negatif terhadap Islam.

Namun, saya tidak pernah dikasari walaupun memakai hijab,” katanya.



SEORANG wanita Muslim memegang sepanduk menyatakan sokongan berhampiran tempat kejadian serangan di pusat bandar London.

"Kejadian kedua di London itu pastinya membuatkan saya dan rakan lebih berhati-hati dan pada masa ini kami cuba mengelak kawasan atau lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai

Amalina Sanusi

13-06-2017

setempat 15

HARIAN METRO

Harian metro
13/6/17
ms-5



Pelajar Malaysia dinasihati ikut arahan pihak berkuasa

Kuala Lumpur:

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meminta pelajar Malaysia yang menuntut di United Kingdom (UK) mengikut nasihat pihak berkuasa susulan keganasan di tengah kota London menyebabkan tujuh terbunuh dan 48 cedera, malam Sabtu lalu.

Jurucakap kementerian berkata, pihaknya menasihatkan pelajar supaya berhati-hati dan prihatin dengan persekitaran mereka.

Menurutnya, pelajar juga diminta untuk menyimpan maklumat perhubungan atau berhubung dengan atase pendidikan Malaysia di London sekiranya terdapat isu yang berbangkit.

"Kementerian melalui

pejabat Education Malaysia (EM) akan terus memantau keadaan dan perkembangan terkini yang boleh diperolehi di laman web atau Facebook (FB) EM United Kingdom.

"Ketika ini seramai 19,350 pelajar Malaysia menyambung pengajian di UK dan Ireland," katanya dalam balasan mesej menerusi aplikasi WhatsApp kepada wartawan Harian Metro, semalam.

Sementara itu, pemerhatian di akaun FB Education Malaysia United Kingdom & Ireland mendapati turut terpapar kenyataan supaya elakkan mengunjungi London Bridge, Borough Market dan Vauxhall.

Turut dipaparkan pegawai Education Malaysia UK & Ireland

untuk dihubungi iaitu +447466 832 731 (En. Firdaus) sekiranya ada pelajar Malaysia terbabit atau terjejas dengan insiden berkenaan.

Media melaporkan serangan di beberapa tempat di kawasan berdekatan London Bridge menyebabkan 10 maut dan 48 cedera.

Daripada jumlah itu, 21 orang masih dalam keadaan kritikal.

Seorang warga Kanada dan seorang Perancis antara yang maut dalam kejadian itu, manakala tujuh lagi warga Perancis antara yang cedera.

Tiada butiran lanjut didedahkan mengenai pelaku ditembak mati dalam masa lapan minit selepas panggilan kecemasan pertama kepada polis.



Beri impak negatif terhadap masyarakat Islam sedunia

Kuala Lumpur: Tiga kejadian serangan yang berlaku di England tahun ini memberikan impak negatif terhadap masyarakat Islam bukan saja di negara itu, malah di seluruh dunia.

Ketakutan terlampau dan kebencian keterlaluan mendorong masyarakat di sana bersikap prejudis, tidak bertoleransi serta diskriminasi terhadap Islam serta umatnya.

Pakar Geostrategis Azmi Hassan berkata, walaupun pelakunya terdiri daripada warganegara itu sendiri, masyarakat Eropah tetap memandang serong kepada masyarakat Islam kerana pelakunya beragama Islam.

Katanya, lebih memburukkan keadaan, apabila Perdana Menteri Britain, Theresa May sendiri dalam ucapannya menggunakan ungkapan ideologi ekstremisme Islam bagi mengulas berhubung tiga kejadian berkenaan.

“Ungkapan yang digunakan Theresa May membakar lagi

api kebencian masyarakat di sana terhadap Islam.

“Semua kejadian ini dikaitkan dengan Islam kerana pelakunya beragama Islam. Akibatnya, rakyat negara itu yang hidup dalam ketakutan akan lebih berwaspada terutama dengan masyarakat Islam,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Azmi berkata, masyarakat sebenarnya tahu, Islam ataupun mana-mana agama tidak pernah menggalakkan keganasan atau kekejaman namun sikap itu tertanam dalam diri selepas beberapa kejadian yang meragut banyak nyawa.

Katanya, sukar untuk mengikis tanggapan itu, malah perlu melalui masa yang sangat lama untuk melupakan

dan seterusnya mengubah pandangan mereka terhadap Islam.

“Ideologi yang diserapkan oleh kumpulan Daish berhubung jihad Islam amat bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

“Namun mereka mudah untuk mempengaruhi pengikut mereka yang lebih berfikir fanatik ataupun prihatin dengan apa yang berlaku di negara Islam yang menjadi mangsa kekejaman seperti di Syria dan negara bergolak lain,” katanya.

“Ungkapan digunakan Theresa May membakar lagi api kebencian terhadap Islam Azmi Hassan”

